

**TAHAP KEBOLEHBACAAN DAN KEFAHAMAN MEMBACA
PARA PELAJAR TINGKATAN EMPAT BERDASARKAN
PETIKAN TEKS CERPEN ANTOLOGI ANAK LAUT;
HUBUNGKAITNYA DENGAN PENCAPAIAN
GRED BAHASA MELAYU PMR**

NORAINAH BINTI MOHD SALEH



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29.09.2004

NORAINAH BINTI MOHD SALEH
200200418

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullilah kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberikan kekuatan dan kesihatan mental serta fizikal selama saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Sebuah kata-kata bestari daripada Hemingway menyatakan bahawa ‘ Manusia tidak boleh hidup sendirian tanpa bantuan orang lain’. Kata-kata tersebut terkesan dalam sanubari saya kerana sepanjang menyiapkan kerja-kerja ilmiah ini, ramai pihak yang terlibat telah sudi membantu dengan ikhlas. Jutaan terima kasih diucapkan.

Insaf dengan kekerdilan diri ini. Oleh itu, pertama kali ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada penyelia utama saya Prof Dr. A. Wahab Ali atas kesabaran dan ketelitian beliau menunjuk ajar, membimbing, memberi semangat, dorongan dan juga komen tanpa mengira waktu sehingga kajian ini selesai.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada Yang Berbahagia Prof Dato Dr Isahak bin Haron dari Fakulti Sains Kognitif dan juga Tuan Haji Ab.Rahman bin Ab. Rashid dari Fakulti Bahasa kerana telah sudi untuk menghulurkan bantuan, tunjuk ajar dan bimbingan dalam perjalanan menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya panjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang telah banyak menghulurkan bantuan ketika saya mencari bahan rujukan terutamanya kepada semua Warga UPSI, pustakawan UPSI & UKM serta IPRD Kementerian Pelajaran, rakan-rakan seperjuangan terutamanya Cik Mitrawati, Miss Tan, Cik Norhayati dan Kak Jun yang turut membantu. Tidak lupa kepada pengetua-pengetua, guru-guru dan para pelajar sekolah menengah di daerah Hilir Perak dan di daerah Batang Padang, ketika menyempurnakan soal selidik untuk kajian .

Akhir sekali buat suami tersayang Norkhan bin Mat Isa yang telah banyak memberi semangat dan sokongan pada diri ini. Juga yang amat disayangi anak-anak yang memahami serta ayahanda dan bonda yang dikasihi, yang sentiasa mendoakan kejayaan diri ini.

Kepada semua, semoga Allah SWT senantiasa memberkati kalian di dunia dan di akhirat.

TERIMA KASIH ATAS SEGALANYA!

ABSTRAK

Kajian ini mengenai ‘Tahap Kebolehbacaan’ dan ‘Kefahaman Membaca’ para pelajar tingkatan empat berdasarkan petikan teks cerpen dan hubungkaitnya dengan pencapaian Bahasa Melayu PMR. Teks cerpen yang difokuskan ialah Teks cerpen dalam *Antologi Anak Laut Tingkatan Empat* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2000. Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti sejauh mana hubungan antara pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR dengan ‘Tahap Kebolehbacaan’ pelajar tingkatan empat berdasarkan petikan teks cerpen serta untuk mengenalpasti sejauh mana hubungan pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR dengan ‘Kefahaman Membaca’ pelajar. Selain itu, kajian juga melihat sejauhmana faktor kesukaran mempelajari antologi cerpen, kejelasan pengajaran guru, kekerapan membaca buku Bahasa Melayu di luar kelas dan kekerapan membuat latihan pemahaman di luar kelas, bilangan buku cerpen yang dibaca mempengaruhi ‘Kefahaman Membaca’ para pelajar. Kajian ini juga melihat sejauh mana hubungan antara ‘Tahap Kebolehbacaan’ dengan ‘Kefahaman Membaca’. Seterusnya melihat jika terdapat perbezaan pencapaian ‘Tahap Kebolehbacaan’ dan ‘Kefahaman Membaca’ para pelajar berdasarkan aliran pengajian dan jantina. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah iaitu dua buah sekolah di daerah Batang Padang dan dua buah lagi di daerah Hilir Perak. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah SM Teknik Teluk Intan, SMK Sg Manik Teluk Intan, SM Teknik Slim River dan SMK Dato Dzulkifli bin Mohammad. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 291 orang yang terdiri daripada 159 orang pelajar lelaki dan 132 orang pelajar perempuan yang terdiri daripada empat aliran iaitu Aliran Teknik, Aliran Vokasional, Aliran Sains dan Aliran Sastera. Semua responden yang terlibat di pilih secara rawak. Data-data yang telah dikutip di analisis dengan menggunakan SPSS versi 11.0. Analisis kajian diukur dengan ujian *Pearson’s r* dan *Spearman’s Rank Order Correlation*, ujian *Khi Kuasa dua*, *Ujian Anova – Satu hala*, ujian – t dan juga analisis regresi berdasarkan persoalan kajian dan skala yang sesuai digunakan. Kajian ini penting kepada para pendidik dan pihak yang berwajib untuk mengenalpasti faktor-faktor, kaedah serta pendekatan dan penggunaan ABM yang sesuai mengikut tahap kebolehan pelajar dalam penguasaan ‘Kefahaman Membaca’ dan ‘Tahap Kebolehbacaan’ Bahasa Melayu para pelajar di peringkat menengah atas. Beberapa rumusan dan cadangan telah dikemukakan dalam kajian ini.

ABSTRACT

This research is on reading comprehension and level of reading ability for form 4 students, based on short stories. This research also touches on how the comprehension and level of reading ability link to Bahasa Melayu PMR's achievement. The short stories that been focused on, is *Anthology Anak Laut* from form 4 text book under Dewan Bahasa and Pustaka. The main purpose of this research is to identify how far the link is between reading comprehension and reading ability level and Bahasa Melayu PMR's achievement for form 4 students based on the selected short stories. Furthermore, the other purpose of this research is to identifying the link on how far the difficulties in learning Bahasa Melayu by using reading skills can affect the student's performance. A few factors that have contributed to these difficulties are, difficulties in learning shorts stories anthology, difficulties in understanding teaching, insufficient to read Bahasa Melayu book at home, insufficient to do comprehension homework and the total of short stories book have been read. These can affect their abilities in reading comprehension and reading ability for form 4 students. In this particular research, the writer also provides the comparison studied between reading comprehension and reading ability according to their education's streams and their gender. This research had been conducted in four schools in Perak. The schools are SM Teknik Teluk Intan, SM Teknik Slim River, SMK Sg. Manik Teluk Intan, and SMK Dato Dzulkifli Mohammmad Slim River, Perak. All the 291 respondents are chosen randomly. There are 159 male and 132 female who are from four education streams. The education streams that involved are Technical Stream, Vocational Stream, Science Stream and Arts stream. All the data collected had been analysed by using SPSS version 11.0. More over the other problems are using Pearson's r and Spearman's Rank Order Correlation, Chi Square test, One-way between groups Anova with post-hoc comparisons, t-test and lastly Regression Statistic which depend on the data scale used. In conclusion, this research is important to all teachers and also other educators to identify the method and suitable approaches by using appropriate teaching aids based on the students abilities have been proposed in learning Bahasa Melayu . Based on the findings from this study the suggestions of this research to implements them further studies.

SENARAI KANDUNGAN**HALAMAN**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi – x
SENARAI JADUAL	xi - xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1 – 11
1.2 Pernyataan Masalah	11– 17
1.3 Objektif Kajian	
1.3.1 Objektif Am	18
1.3.2 Objektif Khusus	8 – 19
1.4 Soalan-soalan Kajian	19 - 22
1.5 Kepentingan Kajian	22 – 23
1.6 Hipotesis Kajian	23 - 26
1.7 Batasan Kajian	26 – 28

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Gred Pencapaian	28
1.8.2 Kefahaman Membaca	29
1.8.3 Peringkat-peringkat Kefahaman	29
1.8.4 Tahap Kebolehbacaan Pelajar	30
1.8.5 Teks Cerpen	30 - 31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	32 – 33
2.2 Teori-teori Berkaitan	33 – 40
2.3 Kajian-kajian Luar Negeri	40 – 50
2.4 Kajian-kajian Dalam Negeri.	50 – 57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	58 - 59
3.2 Rekabentuk Kajian	59 – 61
3.3 Populasi dan Persampelan	61 – 65
3.4 Instrumen Kajian	65 – 69
3.5 Keesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	
3.5.1 Kajian Rintis	69
3.6 Kebolehpercayaan Item	70 – 71
3.7 Pentadbiran Kajian	71 - 72
3.8 Pengumpulan Data	72 - 73

3.9 Penganalisan Data	73
3.9.1 Ujian Khi Kuasa dua	73 - 74
3.9.2 Ujian Kolerasi	74 - 76
3.9.3 Ujian Anova – Satu hala	76
3.9.4 Ujian –t	76 - 77
3.9.5 Analisis Regresi	77
3.10 Kesimpulan	77 - 78

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	79
4.2 Soalan Kajian 1	79 - 80
4.2.1 Soalan Kajian 2	80 - 81
4.2.2 Soalan Kajian 3	81 - 82
4.3 Hipotesis Nul 1	82 - 83
4.3.1 Hipotesis Nul 2	83 - 84
4.3.2 Hipotesis Nul 3	85 - 86
4.3.3 Hipotesis Nul 4	86 - 87
4.3.4 Hipotesis Nul 5	88 - 89
4.3.5 Hipotesis Nul 6	89 - 90
4.3.6 Hipotesis Nul 7	90 - 91
4.3.7 Hipotesis Nul 8	92 - 93
4.3.8 Hipotesis Nul 9	93 - 94
4.3.9 Hipotesis Nul 10	94 - 95

4.3.10 Hipotesis Nul 11	95 - 96
4.3.11 Hipotesis Nul 12	96 - 97
4.3.12 Hipotesis Nul 13	97 - 98
4.3.13 Hipotesis Nul 14	98 - 99
4.3.14 Hipotesis Nul 15	99 - 101
4.3.15 Hipotesis Nul 16	101
4.3.16 Hipotesis Nul 17	102
4.3.17 Hipotesis Nul 18	103
4.3.18 Hipotesis Nul 19	104
4.3.19 Hipotesis Nul 20	105 - 107
4.3.20 Hipotesis Nul 21	107 - 110
4.3.21 Hipotesis Nul 22	110 - 111
4.3.22 Hipotesis Nul 23	111 - 112
4.3.23 Hipotesis Nul 24	112-114
4.4 Kesimpulan	115

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	116
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	116
5.2.1 Tahap Kebolehbacaan dan Kefahaman Membaca	117 - 118
5.2.2 Rumusan Soalan Kajian	118 - 124
5.3 Perbincangan	124 - 129

5.4 Cadangan-cadangan	129 - 133
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	133 - 135
5.6 Kesimpulan	135 - 136

BIBLOGRAFI	137 - 143
-------------------	-----------

RUJUKAN AM	144
-------------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A : Jadual Teknik Persampelan Kriejcie, R.V. & Morgan, D.W (1970)

Lampiran B : Soal Selidik Kajian.

Lampiran C : Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan.

Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri.

Lampiran D : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan & Penyelidikan

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lampiran E : Senarai Nilai-nilai Murni .

Lampiran F : Analisis Data.

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
1.1 Tajuk-tajuk Cerpen Antologi Anak Laut Tingkatan Empat.	27
1.2 Kategori Gred Pencapaian PMR Lembaga Peperiksaan Malaysia	28
2.1 Jadual Markah Prosedur Kloz Menentukan Tahap Kebolehbacaan.	52
2.2 Pengiraan Skor Ujian Kefahaman Membaca.	53
2.3 Kriteria Menentukan Tahap Kebolehan Membaca Murid.	53
2.4 Tema dan Struktur Cerpen-Cerpen Sebelum Perang Dunia Kedua.	57
3.1 Kawasan Kajian Mengikut Daerah.	62
3.2 Komposisi Sampel Kajian Berdasarkan Saiz Sampel.	63
3.3 Bilangan Jantina Responden.	64
3.4 Bilangan Aliran Pengajian Responden.	64
3.5 Nilai Kebolehpercayaan Kaedah Alpha Cronbach.	71
4.1 Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Pelajar Tingkatan Empat.	80
4.2 Skor Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen Pelajar.	81
4.3 Skor Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen Pelajar.	82
4.4 Ujian Khi Kuasa dua Antara Jantina Dengan Gred B. Melayu PMR.	82
4.5 Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Gred B. Melayu PMR	84
Dengan Kesukaran Belajar Antologi Cerpen.	

JADUAL	HALAMAN
4.6 Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Dengan Kekerapan Membaca Buku Bahasa Melayu Di luar Kelas	85
4.7 Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Dengan Kekerapan Membuat Latihan Pemahaman Di luar Kelas.	87
4.8 Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Dengan Bilangan Cerpen Yang Di baca.	88
4.9 Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Dengan Kejelasan Guru Mengajar.	89
4.10 Ujian Kolerasi Gred Pencapaian Bahasa Melayu PMR Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen	91
4.11 Ujian Kolerasi Pencapaian Gred Bahasa Melayu PMR Dengan Kefahaman Membaca Petikan teks Cerpen.	92
4.12 Ujian Kolerasi Kesukaran Belajar Antologi Cerpen. Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan teks Cerpen	93
4.13 Ujian Kolerasi Kekerapan Membaca Buku Bahasa Melayu Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen.	94
4.14 Ujian Kolerasi Kekerapan Membuat Latihan Pemahaman Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen.	95
4.15 Ujian Kolerasi Bilangan Cerpen Yang Di baca Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks cerpen.	96
4.16 Ujian Kolerasi Kejelasan Guru Mengajar Bahasa Melayu Dengan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen.	97

JADUAL**HALAMAN**

4.17	Ujian Kolerasi Kesukaran Belajar Antologi Cerpen Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen.	99
4.18	Ujian Kolerasi Kekerapan Membaca Buku Bahasa Melayu Di luar Kelas Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen	100
4.19	Ujian Kolerasi Kekerapan Membuat Latihan Pemahaman Di Luar Kelas Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen.	101
4.20	Ujian Kolerasi Bilangan Cerpen Yang Di baca Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen.	102
4.21	Ujian Kolerasi Kejelasan Guru Mengajar Bahasa Melayu Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen.	103
4.22	Ujian Kolerasi Antara Tahap Kebolehbcaaan Dengan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen.	104
4.23	Ujian ANOVA Sehala Untuk Melihat Perbezaan Tahap Kebolehbacaan Petikan Teks Cerpen Berdasarkan Aliran.	105
4.24	Ujian Pos Hoc LSD Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Antara Aliran Teknik, Vokasional, Sains dan Sastera	106
4.25	Ujian ANOVA Sehala Untuk Melihat Perbezaan Kefahaman Membaca Petikan Teks Cerpen Berdasarkan Aliran.	108
4.26	Ujian Pos Hoc LSD Perbandingan Kefahaman Membaca Antara Aliran Teknik, Vokasional, Sains dan Sastera	109

JADUAL**HALAMAN**

4.27 Ujian-t Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Teks Cerpen Berdasarkan Jantina.	110
4.28 Ujian-t Perbandingan Kefahaman Membaca Teks Cerpen Berdasarkan Jantina.	111
4.29 Analisis Regresi Antara Pembolehubah-Pembolehubah Yang Di Kaji Dengan Kefahaman Membaca.	113
4.30 Jadual Pekali Regresi.	114
5.1 Skor Tahap Kebolehbacaan Pelajar Tingkatan 4.	118



SENARAI RAJAH

RAJAH

HALAMAN

1.1 Rangka Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara	6
3.1 Kerangka Konseptual Kajian.	60

SENARAI SINGKATAN**SPM** : Sijil Pelajaran Malaysia**PMR** : Penilaian Menengah Rendah**UPSR** : Ujian Penilaian Sekolah Rendah**KBSR** : Kurikulum Baru Sekolah Rendah**KBSM** : Kurikulum Baru Sekolah Menengah**FPN** : Falsafah Pendidikan Negara**BM** : Bahasa Melayu**SMK** : Sekolah Menengah Kebangsaan**SM** : Sekolah Menengah**BHG B** : Skor ‘Kefahaman Membaca’**BHG C** : Skor ‘Tahap Kebolehbacaan’**SPSS** : Statistic Package for Sosial Science

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Membaca merupakan salah satu kemahiran yang berguna dalam kehidupan manusia. Melalui pembacaan kita dapat menimba pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh melalui pengalaman biasa yang lain. Setiap hari, melalui pembacaan kita dapat menimba pelbagai maklumat pengetahuan yang diperlukan. Kita membaca akhbar untuk mengetahui berita yang disiarkan di dalamnya. Kita juga membaca pelbagai arahan bertulis dan peraturan supaya kehidupan sehari-hari berjalan dengan sempurna. Membaca juga dapat membantu seseorang memperluaskan pemikiran serta idea di samping dapat meningkatkan daya kreativiti dalam pelbagai bidang.

Kebolehan membaca sangat penting dan ia merupakan ukuran kejayaan pelajar-pelajar sekolah. Kebolehan membaca dianggap sebagai asas bagi mencapai kejayaan dalam semua bidang, terutamanya dalam bidang pendidikan. Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), aspek bacaan paling diutamakan. Kemahiran ini

ditekankan pada peringkat awal lagi bersama kemahiran lain seperti mengira dan menulis. Kebolehan membaca bukan sahaja dianggap sebagai asas utama bagi mencapai mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial, malah sistem persekolahan itu sendiri menganggapnya sebagai asas bagi seseorang itu terus meningkat dalam alam persekolahannya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Kamarudin Hj Husin, 1998:1).

Membaca boleh ditakrifkan sebagai satu perlakuan mendapatkan maklumat melalui lambang-lambang bertulis atau bercetak. Aktiviti membaca melibatkan dua proses, iaitu:

- a. Menterjemahkan lambang bertulis (atau bercetak) kepada bunyi bahasa.
- b. Mendapatkan maklumat atau makna daripada bunyi-bunyi bahasa yang disuarakan itu.

Tegasnya, membaca melibatkan proses mekanis dan proses mental. Jika hendak menjadi pembaca yang efektif, seseorang itu perlu dapat menyebut perkataan dengan betul dan lancar serta mengetahui makna perkataan yang dibaca. Walau bagaimanapun, dalam proses membaca aspek penyebutan kurang penting berbanding dengan keupayaan berfikir, merasai dan membayangkan serta memahami apa yang dibaca. Melalui proses tersebut pembaca dapat memahami isi, maklumat, penerangan atau mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Pembacaan tidak berlaku dengan pemikiran yang kosong tetapi dirungi dengan tujuan, jangkaan dan pengetahuan serta pengalaman lalu. Kebolehan mengaitkan dan mengintergrasikan segala aspek tersebut sangat penting bagi menghasilkan pembacaan dengan kefahaman (Ismail Zakaria, Salmah Othman, Elly Chong, 1994: 74).

Haris dan Hodges (1981) mengenal pasti kefahaman membaca sebagai kebolehan atau daya memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Ia merupakan satu proses

mendapatkan makna daripada komunikasi sama ada melalui lisan, tulisan atau simbol-simbol yang tertentu dan ia merangkumi proses mental yang kompleks seperti pengecaman perkataan, pemilihan makna yang sesuai, pembentukam generalisasi dan juga penilaian.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1998) kefahaman merupakan pelengkap kepada keperluan bacaan. Tanpa kefahaman terhadap apa yang dibaca perlakuan bacaan itu tidak bermakna. Pada tahap bacaan dan kefahaman ini, murid sepatutnya mempunyai keupayaan untuk :

- a. Mengumpul maklumat dan makna daripada apa yang dibaca.
- b. Mentafsir dan menilai sesuatu dengan sepenuhnya tentang apa yang dibaca

Pandangan ahli-ahli psikolinguistik kognitif pula menjelaskan bahawa tujuan utama membaca adalah untuk mendapatkan erti yang sebenar (pemahaman). Bagi tujuan ini kita memerlukan tanda saran daripada huruf atau kalimat bertulis. Tanda saran inilah yang merangsang otak untuk mengarahkan pengalaman dan pengetahuan dunia kita bagi meramalkan erti dan seterusnya merumuskan erti yang sebenar dengan melakukan penyepaduan dan pembinaan semula (Kamarudin Haji Husin, 1998:4)

Proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif bermula dengan makna dan berakhir dengan makna juga. Makna ditentukan oleh pengetahuan dunia kita yang kita peroleh melalui pancaindera sejak kita dilahirkan. Ini bermakna seorang pembaca yang baik selalu mengarahkan pengetahuan dunianya untuk memberi makna kepada lambang-lambang tulisan yang dibacanya untuk mendapatkan erti daripada lambang-lambang tulisan itu (Kamarudin Hj Husin. 1998:3).

Frank Smith (1971) telah menerangkan bahawa proses membaca merupakan satu proses kognitif. Menurut Smith, secara langsung atau secara tidak langsung Noam Chomsky dan aliran transformasi – generatif telah mempengaruhi pemikiran

mengenai proses membaca dengan memasukkan unsur kognitif ke dalamnya.

Di sekolah, ramai pelajar yang tidak memahami apa yang dibaca sama ada bahan-bahan daripada buku-buku teks sekolah ataupun bahan-bahan bacaan yang lain. mereka tidak memahami apa yang dibaca, sama ada daripada buku-buku mata pelajaran bahasa, mata pelajaran sejarah atau geografi atau pun lain-lain mata pelajaran seperti kesusastraan, sains dan sebagainya. Ini disebabkan kecekapan seseorang di dalam kemahiran membaca yang diperlukan untuk kefahaman membaca adalah tidak sama bagi semua pelajar. Mereka mungkin membaca pada tahap bacaan yang sama tetapi tidak mempunyai kefasihan atau kelemahan membaca yang berbeza dan juga kecerdasan mental yang berbeza. Musa Daia (1967) menyatakan bahawa, banyak faktor yang boleh mempengaruhi kebolehan seseorang untuk memahami sesuatu perkara, salah satu daripada faktor itu ialah kecerdasan mental.

Langkah utama yang harus dilakukan oleh para pendidik dan institusi pendidikan ialah menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran kefahaman bacaan mengikut aras kelemahan para pelajar. Di samping itu, menggunakan bahan-bahan pengajaran dan kaedah yang sesuai bagi kefahaman bacaan bahasa ataupun mata pelajaran yang lain. Bagi tujuan ini, pelajar harus dipupuk dengan tugas-tugas bacaan yang dapat mengukur kemahiran kebolehbacaan dan penguasaan bahasa mereka melalui pemahaman membaca teks.

Durkin (1980) berpendapat bahawa bacaan adalah kefahaman. Andainya tidak faham anda belum lagi membaca. Apabila seseorang itu membaca, dia seharusnya mempunyai tujuan dan matlamat. Bagi mencapai matlamatnya, pembaca mesti dapat mencungkil makna daripada teks. Makna diperoleh daripada maklumat nyata teks atau daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Seseorang itu dikatakan


melibatkan diri dalam bacaan apabila sesorang itu dapat mengikut pemikiran yang bertulis untuk mewujudkan interaksi antara pembaca dengan penulis dan dengan maksud untuk menonjolkan tujuan tertentu.

Berdasarkan kepentingan kefahaman bacaan dan kebolehbacaan para pelajar ini, tidak hairanlah jika sekiranya pendidikan di negara kita memerlukan penguasaan asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Melalui pendekatan ini, unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan penyerapan pelbagai ilmu merentasi kurikulum juga merupakan salah satu ciri konsep pendekatan bersepadu. Misalnya di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu penerapan bahan-bahan sastera sebagai salah satu komponen wajib dalam soalan pemahaman di peringkat SPM.

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara matlamat pendidikan adalah jelas, iaitu untuk melahirkan insan yang berakhhlak mulia dan juga berpengetahuan. Insan yang berakhhlak mulia dan berpengetahuan ini sekali gus akan menjadi rakyat atau warganegara yang baik dan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Jawatan kuasa Kabinet juga menegaskan tentang pentingnya pendidikan sebagai satu proses perbincangan keperibadian insan yang seimbang. Bagi kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja dilihat dari segi bilangan jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan

Pada asasnya, insan yang berakhhlak mulia merupakan insan yang memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu serta menghayati ciri-ciri berikut:

- Percaya dan patuh kepada Tuhan;
- berilmu pengetahuan;
- berakhhlak mulia;
- bertanggungjawab kepada diri,masyarakat, agama dan negara
- berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara; dan
- memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.



(Sumber: Fakulti Pendidikan UKM, 1997)

Rajah 1.1
Rangka Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara

Rajah 1.1 menunjukkan rangka perlaksanaan Falsafah Pendidikan Negara. Rangka pelaksanaan itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu :

- a. Hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN)
- b. Pengoperasian Falsafah Pendidikan Negara.
- c. Hasil yang hendak dicapai daripada pelaksanaan pendidikan bersepadu.

Aspirasi Falsafah Pendidikan negara ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Falsafah Pendidikan Negara berteraskan kepada kepercayaan dan kepatuhan (iman) kepada Tuhan Yang Maha Esa. Pengoperasian FPN menjelaskan bagaimana aspirasi yang terkandung dalam falsafah tersebut dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara yang terdiri daripada pendidikan pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi. Pengoperasian itu melibatkan program pendidikan (semua peringkat) corak dan proses pendidikan. Sistem pendidikan negara kita memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ke arah matlamat menghasilkan insan yang sempurna dan harmonis.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara. KBSM mula dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 1988. Dalam rancangan KBSM, pendidikan bersepadu merupakan strategi menjalin unsur-unsur ilmu dan kemahiran, bahasa dan nilai-nilai murni dalam semua bidang pembelajaran. Semua aspek dalam pendidikan diterapkan dengan nilai-nilai murni yang terancang melalui sukanan pelajaran yang dirancang. Sistem nilai ini pula menjurus kepada nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai kemasyarakatan sejagat yang telah disesuaikan dengan sosio budaya kaum di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia(1991) mata pelajaran Bahasa Melayu adalah satu mata pelajaran teras yang menerapkan unsur-unsur sastera sebagai salah satu

komponennya. Penerapan unsur-unsur sastera ke dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia bermula pada tahun 2000. Pendidikan kesusasteraan adalah antara bidang yang mempunyai ruang yang paling luas untuk menjayakan hasrat penyerapan nilai-nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui genre yang dipaparkan. Pernyataan ini dibuktikan melalui petikan berikut; dengan mengenal dan memahami hasil karya kesusasteraan melalui pendidikan Kesusasteraan Melayu, pelajar dapat memahami manusia di sekitarnya dan membolehkan penyerapan nilai-nilai murni serta seterusnya membantu ke arah usaha melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

Manakala Hussien Hj Ahmad (1985) berpendapat bahawa kesusasteraan perlu dijadikan salah satu daripada alat utama dalam kurikulum bagi membantu usaha-usaha melahirkan ahli masyarakat yang mempunyai keperibadian yang berpegang kepada nilai-nilai murni yang tinggi tahapnya.

Kamarudin Hj Husin (1988) unsur intelek dalam kesusasteraan bukan sahaja menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai bahan hiburan semata-mata, tetapi lebih penting sebagai bahan untuk pembaca mendapatkan pendidikan, fikiran yang ditimbulkan terutamanya aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik yang dapat dijadikan bahan renungan dan teladan kepada pembaca.

Dalam sukanan dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu menengah atas, dengan jelas dan tegas dinyatakan matlamat pengajaran dan objektif pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat sekolah menengah adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menjiwai unsur - unsur kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan. Kementerian Pendidikan (1991) antara objektif dalam Pendidikan Kesusasteraan adalah untuk membolehkan para pelajar :